

D187

U B405 DEB
MAHKAMAH - FEER

KUALA LUMPUR, 4 MEI (BERNAMA) -- MAHKAMAH TINGGI DI SINI AKAN MENETAPKAN ESOK TARIKH UNTUK MENYAMBUNG PENDENGARAN PERMOHONAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT DARIPADA MAJALAH FAR EASTERN ECONOMIC REVIEW DAN PENGARANGNYA BERKAITAN DENGAN TINDAKAN SAMAN BELIAU EKORAN LAPORAN MENGENAI APA YANG DIKATAKAN CADANGAN PENJUALAN LIMBANG KEPADA BRUNEI DARUSSALAM.

PENDENGARAN ITU DEPATUTNYA DISAMBUNG HARI INI TETAPI PEGUAM BAGI KEDUA-DUA PIHAK, ENCIK MUHAMMAD SHAFFEE ABDULLAH DAN PEGUAM KANAN PERSEKUTUAN T.SELVENTHIRANATHAN, TERLIBAT DALAM KES LAIN.

DALAM PERMOHONAN ITU DATUK SERI DR MAHATHIR MAHU MAJALAH ITU DAN ENCIK DEREK DAVIES MENYATAKAN NAMA SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER, BUTIRAN SETIAP SATU DARIPADANYA DAN SETIAP KEJADIAN YANG MENUNJUKKAN SUMBER ATAU SUMBER-SUMBER ITU ADALAH BANYAK MENGETAHUI DAN BOLEH DIHARAP, TEMPAT DAN MASA MAKLUMAT DITERIMA DAN BENTUK IA DIBERIKAN.

BELIAU MENYAMAN KEDUA-DUANYA KERANA FITNAH BERKAITAN DENGAN ARTIKEL YANG DISIARKAN DALAM MAJALAH ITU TERBITAN 21 MEI TAHUN LALU.

DALAM SAMAN ITU DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENUNTUT GANTI RUGI YANG TIDAK DINYATAKAN JUMLAHNYA KERANA FITNAH YANG TERKANDUNG DALAM KENYATAAN MEMINTA MAAF DAN MENARIKAN BALIK BERKAITAN DENGAN ARTIKEL ITU YANG DISIARKAN OLEH MAJALAH ITU PADA 4 JUN TAHUN LALU. -- LAGI.
1843MST 04 05 88

D192

U B406 DEB
MAHKAMAH - FEER 2 KUALA LUMPUR

ANTARA LAIN, BELIAU MENDAKWA KATA-KATA DALAM ARTIKEL YANG BERKENAAN DENGAN DIRINYA SEBAGAI PEMEGANG JAWATAN PERDANA MENTERI, MENGIKUT TAKRIFNYA YANG BIASA, MEMBAWA MAKSUD YANG BELIAU TERLIBAT DALAM USAHA DI LUAR PERLEMBAGAAN DAN SECARA DIAM-DIAM UNTUK MENJUAL KEPADA BRUNEI DARUSSALAM, SEBAHAGIAN DARIPADA WILAYAH SARAWAK YANG MERUPAKAN KOMPONEN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA AKIBAT PENERBITAN KATA-KATA ITU, SIFATNYA SEBAGAI PERDANA MENTERI TELAH TERCEMAR DAN MENJADI SKANDAL DAN PENGHINAAN PADA MATA UMUM.

MAJALAH ITU DAN PENGARANGNYA, DALAM PEMBELAANNYA, MENAFIKAN YANG ARTIKEL ITU BERMAKSUD UNTUK MEMBURUKKAN PERDANA MENTERI DAN MENAMBAH BAHAWA JIKAPUN KATA-KATA ITU BERSIFAT FITNAH, IA DITERBITKAN ATAS DASAR KEISTIMEWAAN HAK KERANA DATUK SERI DR MAHATHIR MERUPAKAN TOKOH UMUM YANG TERKENAL DI MALAYSIA DAN DI DUNIA. -- BERNAMA.
1852MST 04 05 88